

**CIMB BANK BERHAD'S ("THE BANK") TERMS AND CONDITIONS ("TERMS") OF CASH PLUS PERSONAL LOAN ("FACILITY")  
TERMA DAN SYARAT ("TERMA") PINJAMAN PERIBADI 'CASH PLUS'  
("KEMUDAHAN") CIMB BANK BERHAD ("BANK")**

The person applying for the Facility ("Applicant") agrees that these Terms shall be binding on the Applicant and govern the use of the Facility granted by the Bank to the Applicant. Any difference between the Facility amount, interest rate or tenure applied for and the amount, interest rate or tenure, as the case may be, finally approved by the Bank shall not affect the validity of these Terms. Reference to Facility herein shall be construed as referring to the Facility disbursed by the Bank to the Applicant.

The Facility shall first be used to fully settle any of the Applicant's existing Cash Plus Personal Loan with the Bank and the Cash Plus Personal Financing-i with CIMB Islamic Bank Berhad (Company No. 671380-H) ("CIMB Islamic") before the balance of the Facility (if any) is disbursed to the Applicant. The Facility will be disbursed into the Applicant's account nominated by the Applicant and permitted by the Bank ("Crediting Account"). In the event no account has been nominated by the Applicant, the Applicant hereby instructs the Bank to disburse the Facility at its sole discretion into any of the Applicant's savings or current account with the Bank or CIMB Islamic. The disbursement is not allowed to be disbursed into any joint savings or current account or any third party's account. The Applicant hereby warrants that the account number provided or to be provided by him/her to the Bank for the disbursement of the Facility is his/her own personal account and not a joint or third party account.

The Bank reserves the right, by giving written notice to the Applicant, to cancel and recall the Facility if the whole of the Facility amount cannot be fully disbursed within fourteen (14) days from the date the Bank sends the Applicant a SMS notification that the Facility (or any part thereof) has been disbursed or such other period as the Bank may in its absolute discretion decide due to incorrect Crediting Account number provided by the Applicant or the wallet limit of the Crediting Account has been exceeded. Any amount already disbursed to the Applicant shall become immediately due and payable to the Bank together with interest and all other charges related to the Facility. For this purpose, the Applicant hereby authorizes the Bank to debit the Crediting Account for such amount owing to the Bank.

*Orang yang memohon untuk Kemudahan ("Pemohon") bersetuju bahawa Terma ini hendaklah mengikat Pemohon dan mengawal penggunaan Kemudahan yang diberikan oleh Bank kepada Pemohon. Sebarang perbezaan antara jumlah Kemudahan, kadar faedah atau tempoh yang dimohon dan jumlah, kadar faedah atau tempoh, mengikut mana yang berkenaan, yang akhirnya diluluskan oleh Bank tidak harus menjejaskan kesahan Terma ini. Rujukan kepada Kemudahan di sini hendaklah ditafsirkan sebagai merujuk kepada Kemudahan yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemohon.*

*Kemudahan ini hendaklah terlebih dahulu digunakan untuk menyelesaikan dengan sepenuhnya sebarang Pinjaman Peribadi 'Cash Plus' Pemohon yang sedia ada dengan Bank dan Pembiayaan Peribadi Cash Plus-i Pemohon yang sedia ada dengan CIMB Islamic Bank Berhad (No. Syarikat 671380-H) ("CIMB Islamic") sebelum baki Kemudahan (jika ada) dilepaskan kepada Pemohon. Kemudahan ini akan dilepaskan ke dalam akaun Pemohon yang dinamakan oleh Pemohon dan dibenarkan oleh Bank. Sekiranya tiada akaun dinamakan oleh Pemohon, Pemohon dengan ini mengarahkan Bank untuk melepaskan Kemudahan berdasarkan budi bicara mutlaknya ke dalam mana-mana akaun simpanan atau semasa Pemohon dengan Bank atau CIMB Islamic. Kemudahan ini tidak dibenarkan untuk dilepaskan ke dalam mana-mana akaun simpanan atau semasa bersama atau mana-mana akaun pihak ketiga. Pemohon dengan ini menjamin bahawa nombor akaun yang diberikan atau yang akan diberikan olehnya kepada Bank untuk pelepasan Kemudahan adalah akaun peribadi dia sendiri dan bukan akaun bersama atau pihak ketiga.*

*Bank menyimpan hak, dengan memberikan notis bertulis kepada Pemohon, untuk membatalkan dan menarik balik Kemudahan jika keseluruhan jumlah Kemudahan tidak dapat dilepaskan dengan sepenuhnya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Bank menghantar notifikasi SMS kepada Pemohon bahawa Kemudahan (atau sebahagian daripadanya) telah dilepaskan atau apa-apa tempoh lain yang ditentukan oleh Bank berdasarkan budi bicara mutlaknya disebabkan nombor Akaun Pengkreditan yang diberikan oleh Pemohon adalah tidak betul atau had dompet Akaun Pengkreditan telah dilebihi. Apa-apa amaun yang telah dilepaskan kepada Pemohon akan dengan segera menjadi terhutang dan kena dibayar kepada Bank berserta dengan faedah dan semua caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan. Untuk tujuan ini, Pemohon dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk mendebitkan Akaun Pengkreditan untuk apa-apa amaun yang terhutang kepada Bank.*

**1. TELEPHONE CONVERSATIONS/ELECTRONIC COMMUNICATIONS/TRANSMISSIONS AND DEFINITIONS / PERBUALAN TELEFON/KOMUNIKASI/TRANSMISI ELEKTRONIK DAN TAKRIFAN**

1.1 All telephone conversations made between the Bank's personnel and

the Applicant may be recorded and all electronic communications and electronic transmissions between the Bank and the Applicant may be retained and archived for evidentiary purposes. All transactions confirmed, validated and/or effected by the Applicant (whether verbally, electronically or otherwise) in relation to the Facility shall be deemed final, conclusive and binding on the Applicant.

*Semua perbualan telefon antara kakitangan Bank dan Pemohon boleh dirakamkan dan semua komunikasi elektronik dan transmisi elektronik antara Bank dan Pemohon boleh disimpan dan diarkibkan bagi tujuan keterangan. Semua transaksi yang disahkan dan/atau dikuatkuasa dan/atau dilaksanakan oleh Pemohon (sama ada secara lisan, elektronik atau selainya) berkenaan dengan Kemudahan adalah dianggap muktamad, konklusif dan mengikat Pemohon.*

1.2 The definitions / Takrifan:-

"Applicant's Account" shall mean the account in which the Applicant has authorised the Bank or CIMB Islamic, as the case may be, to debit or cause to be debited the monthly instalments and other charges related to the Facility.

*"Akaun Pemohon" bermaksud akaun yang Pemohon telah memberikan kuasa kepada Bank atau CIMB Islamic, mengikut mana yang berkenaan, untuk mendebit atau menyebabkan agar didebit ansuran bulanan dan caj lain yang berkaitan dengan Kemudahan ini.*

"calendar days" used in these Terms means any day in the Gregorian calendar month, including weekends and public holidays.

*"hari kalendar" digunakan dalam Terma ini bermaksud mana-mana hari dalam bulan kalendar Gregorian, termasuk hujung minggu dan cuti awam.*

**2. INTEREST / FAEDAH**

2.1 The Applicant agrees to pay interest on the Facility at the fixed interest rate agreed upon with the Bank and as stated in the Bank's disbursement notice letter to the Applicant which is calculated on a daily balance basis and capitalized at the end of each calendar month ("the Disbursement Notice"). The Disbursement Notice shall be a computer generated notice and would not be signed but shall be deemed as having been issued by the Bank and is to be read together with and shall form part of the agreement governing the Facility.

*Pemohon bersetuju untuk membayar faedah ke atas Kemudahan pada kadar faedah tetap yang dipersetujui dengan Bank dan seperti yang dinyatakan dalam surat notis pelepasan Bank kepada Pemohon yang dikira atas dasar kiraan baki harian dan dipermodalkan pada akhir setiap bulan kalendar ("Notis Pelepasan"). Notis Pelepasan adalah notis yang dijana oleh computer dan tidak akan ditandatangani tetapi harus dianggap sebagai dikeluarkan oleh Bank dan hendaklah dibaca bersama-sama dengan dan hendaklah membentuk sebahagian daripada perjanjian yang mengawal Kemudahan.*

2.2 The Bank has the right to vary the interest rate in accordance with Clause 17. The Bank shall, upon such variation, make the necessary adjustment by varying the instalment amount unless otherwise requested by the Applicant.

*Bank berhak mengubah kadar faedah mengikut Klausula 17. Bank harus, selepas perubahan tersebut, membuat pelarasan yang perlu dengan mengubah jumlah ansuran melainkan diminta sebaliknya oleh Pemohon.*

**3. REPAYMENT / PEMBAYARAN BALIK**

3.1 The Applicant shall repay the Facility and the interest charged to the Facility in the monthly instalment amount and by the number of instalments and tenure agreed upon with the Bank and as stated in the Disbursement Notice.

*Pemohon hendaklah membayar balik Kemudahan dan faedah yang dikenakan terhadap Kemudahan dalam jumlah ansuran bulanan dan bilangan ansuran dan tempoh yang dipersetujui dengan Bank dan seperti yang dinyatakan dalam Notis Pelepasan.*

3.2 All payments must be made to the Bank without any set-off or any deduction of any taxes payable in connection with or arising out of this agreement or withholding of any description. If the law requires any deduction from the payment, the Applicant shall increase the payment to the Bank so that the net amount received by the Bank is equal to the full amount which the Bank would have had received if no such deductions have been made.

*Semua pembayaran hendaklah dibuat kepada Bank tanpa sebarang tolakan atau sebarang potongan apa-apa cukai yang mesti dibayar berhubung dengan atau berbangkit dari perjanjian ini atau penangguhan tidak kira jenisnya. Jika undang-undang menghendaki sebarang potongan daripada pembayaran, Pemohon hendaklah menambah pembayaran kepada Bank supaya jumlah bersih yang diterima oleh Bank adalah bersamaan dengan jumlah penuh yang akan diterima oleh Bank jika potongan tersebut tidak dibuat.*

3.3 The first monthly instalment shall be payable on the first day of the calendar month following the date of full disbursement of the Facility or on such other date as shall be fixed from time to time by the Bank. Subsequent monthly instalments shall be paid on the first day of each calendar month thereafter.

*Ansuran bulanan pertama perlu dibayar pada hari pertama dalam bulan kalendar selepas tarikh pembayaran penuh Kemudahan atau pada sebarang tarikh lain yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Bank. Ansuran bulanan selepasnya hendaklah dibayar pada hari pertama setiap bulan kalendar selepas itu.*

3.4 The Applicant hereby irrevocably authorizes the Bank or CIMB Islamic, as the case may be, to debit or cause to be debited from time to time the Applicant's Account without further prior notice to the Applicant, for the monthly instalment and for any other charges related to the Facility. If the Applicant's Account is an account with CIMB Islamic, the Bank shall notify CIMB Islamic of the Applicant's instruction to debit the said account. The said direct debit shall be subject to the following terms and conditions:-

*Pemohon dengan ini secara tidak boleh batal memberi kuasa kepada Bank atau CIMB Islamic, mengikut mana yang berkenaan, untuk mendebitkan atau menyebabkan didebitkan dari semasa ke semasa Akaun Pemohon tanpa notis terdahulu yang selanjutnya kepada Pemohon, untuk ansuran bulanan dan untuk sebarang caj lain berkaitan dengan Kemudahan. Jika Akaun Pemohon adalah akaun dengan CIMB Islamic, Bank hendaklah memaklumkan kepada CIMB Islamic tentang arahan Pemohon untuk mendebitkan akaun tersebut. Debit terus tersebut adalah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat seperti berikut:-*

(i) The Applicant undertakes to ensure that sufficient funds are kept in the Applicant's Account to meet the instalment payment. Where the Applicant's account is a current account, it shall be the Applicant's responsibility to ensure that there are sufficient funds at all times in the Applicant's Account to honour cheques deposited for payment. The Applicant further acknowledges that the Bank and/or CIMB Islamic will not be liable for defamation and/or for breach of contract and/or for any losses, damages, expenses, costs or charges whatsoever which may be claimed against the Bank and/or CIMB Islamic arising from remarks placed on the return cheque(s) by the Bank and/or CIMB Islamic, as the case may be, and/or upon the grounds that cheque(s) issued under the Applicant's Accounts was returned due to insufficient funds as a result of the Bank debiting or causing to be debited the Applicant's Account pursuant to this authorization. The Bank and/or CIMB Islamic may levy a charge on all standing instructions on due dates, which may not be refunded even if the instruction is not effected due to insufficient funds.

*Pemohon berakujanji untuk memastikan bahawa dana yang cukup disimpan dalam akaun untuk menjejaskan pembayaran ansuran. Di mana Akaun Pemohon adalah akaun semasa, Pemohon harus bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Akaun Pemohon mempunyai dana yang mencukupi pada sepanjang masa untuk melunaskan cek-cek yang dideposit untuk pembayaran. Pemohon seterusnya mengakui bahawa Bank dan/atau CIMB Islamic tidak akan dipertanggungjawabkan untuk fitnah dan/atau untuk kemungkiran kontrak dan/atau untuk sebarang kerugian, gantirugi, perbelanjaan, kos atau caj apa jua yang mungkin dituntut terhadap Bank dan/atau CIMB Islamic berbangkit daripada kata-kata yang diletakkan di atas cek-cek yang dikembalikan oleh Bank dan/atau CIMB Islamic, mengikut mana yang berkenaan, dan/atau atas alasan bahawa cek-cek yang dikeluarkan di bawah Akaun Pemohon telah dikembalikan disebabkan dana yang tidak mencukupi kerana Bank mendebitkan atau menyebabkan didebitkan Akaun Pemohon mengikut kebenaran ini. Bank dan/atau CIMB Islamic boleh mengenakan caj ke atas semua arahan tetap pada tarikh kena dibayar, yang mungkin tidak akan dikembalikan meskipun jika arahan tidak dilaksanakan kerana dana tidak mencukupi.*

(ii) Although the Bank and/or CIMB Islamic will endeavour to effect such monthly payment, the Bank and/or CIMB Islamic shall not be held liable if the Bank and/or CIMB Islamic is unable to effect such monthly payment or to follow such instruction due to any reasons whatsoever which are not attributable to the Bank and/or CIMB Islamic or which are beyond the Bank's and/or CIMB Islamic's reasonable control or by virtue of any of the Bank's and/or CIMB Islamic's operational and/or system errors or malfunctioning unless they arise from and are caused directly by the Bank and/or CIMB Islamic's gross negligence or wilful default. *Meskipun Bank dan/atau CIMB Islamic akan berusaha untuk melaksanakan pembayaran bulanan tersebut, Bank dan/atau*

*CIMB Islamic tidak akan bertanggungjawab jika Bank dan/atau CIMB Islamic tidak dapat melaksanakan pembayaran bulanan tersebut atau mematuhi arahan tersebut atas apa jua sebab yang tidak berpunca daripada Bank dan/atau CIMB Islamic atau yang di luar kawalan munasabah Bank dan/atau CIMB Islamic atau oleh sebab kesilapan operasi dan/atau system atau malfungsi melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank dan/atau CIMB Islamic.*

(iii) This authorisation is subject to any arrangement now subsisting or which may hereafter subsist between the Applicant and the Bank and/or CIMB Islamic in relation to the Applicant or any banking accommodation afforded to the Applicant. All alterations and modifications to the authorization given by the Applicant shall be by way of notice in writing and delivered to the Bank two (2) weeks in advance.

*Arahan ini tertakluk kepada sebarang perkiraan yang kini berkuat kuasa atau yang mungkin wujud selepas ini antara Pemohon dan Bank dan/atau CIMB Islamic berkaitan dengan Pemohon atau sebarang kemudahan perbankan yang diberikan kepada Pemohon. Semua perubahan dan pembatalan arahan yang diberikan oleh anda hendaklah dimaklumkan kepada Bank melalui notis bertulis dan di hantar kepada Bank dua (2) minggu terlebih dahulu.*

(iv) The Bank and/or CIMB Islamic may, at its absolute discretion, conclusively determine the order of priority of payment by it of any money pursuant to this order or any order or cheque which has been or may be hereafter given by the Applicant to the Bank and/or CIMB Islamic or drawn to the Applicant's Account.

*Bank dan/atau CIMB Islamic boleh, menurut budi bicara mutlaknyanya, memutuskan secara konklusif tentang turutan keutamaan untuknya membayar wang selaras dengan arahan ini atau apa-apa arahan atau cek yang telah atau mungkin selepas ini diberikan oleh Pemohon kepada Bank dan/atau CIMB Islamic atau yang dibayar terhadap Akaun Pemohon.*

(v) In the event that full payment cannot be made due to insufficient funds in the Applicant's Account, the Bank shall at its sole discretion debit or cause to be debited the Applicant's Account for such amounts available and thereafter continue at its sole discretion to attempt to debit the Applicant's Account for such amount owing to the Bank under the Facility.

*Sekiranya pembayaran penuh tidak dapat dibuat kerana dana tidak mencukupi dalam Akaun Pemohon, Bank hendaklah atas budi bicara tunggalnya mendebitkan atau menyebabkan didebitkan Akaun Pemohon untuk jumlah yang ada dan selepas itu meneruskan dalam budi bicara tunggalnya untuk mencuba mendebitkan Akaun Pemohon) untuk jumlah yang tertutag kepada Bank di bawah Kemudahan.*

(vi) In consideration of the Bank and/or CIMB Islamic arranging for this authorization, the Applicant undertakes to indemnify the Bank and/or CIMB Islamic against all or any claims, demands, losses, damages, costs, charges and/or expenses which the Bank and/or CIMB Islamic may incur or sustain by carrying out the Applicant's instructions unless they arise from and are caused directly by the Bank and/or CIMB Islamic's gross negligence or wilful default.

*Sebagai balasan bagi Bank dan/atau CIMB Islamic mengatur kebenaran ini, Pemohon berakujanji untuk menanggung rugi Bank dan/atau CIMB Islamic terhadap semua atau sebarang tuntutan, kerugian, gantirugi, kos, caj dan/atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Bank dan/atau CIMB Islamic akibat melaksanakan arahan Pemohon melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank dan/atau CIMB Islamic.*

(vii) The Bank and/or CIMB Islamic may, at its absolute discretion, terminate this authorization as to future payments at any time by giving twenty one (21) calendar days prior notice in writing to the Applicant.

*Bank dan/atau CIMB Islamic boleh, berdasarkan budi bicara mutlaknyanya, menamatkan kebenaran ini berhubung dengan pembayaran masa depan pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis terdahulu selama dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon.*

(viii) This authorization will remain effective for the protection of the Bank and/or CIMB Islamic in respect of payments made in good faith notwithstanding the Applicant's death or bankruptcy until notice of the Applicant's death or bankruptcy is received by the Bank.

*Kebeneran ini akan terus berkuatkuasa untuk perlindungan*

Bank dan/atau CIMB Islamic berkenaan dengan pembayaran yang dibuat dalam niat baik walaupun terdapat kematian atau kebangkrutan Pemohon sehingga notis kematian atau kebangkrutan Pemohon diterima oleh Bank.

- (ix) Loan payments are accepted without prejudice to any recovery action, pending or contemplated, for the full outstanding amount(s).

Bayaran pinjaman adalah diterima tanpa prejudis kepada sebarang tindakan untuk mendapatkan semula jumlah tertunggak penuh sama ada belum selesai atau yang dipertimbangkan.

- 3.5 The Bank will apply any payment received from the Applicant, firstly for settlement of any instalments in arrears before any fees and charges payable under this Facility. If any amount recovered in enforcement is less than the amount then due, the Bank shall apply that amount in such proportions and order of priority and generally in such manner as it may determine subject to compliance with any rules and guidelines issued by Bank Negara Malaysia from time to time.

Bank akan menggunakan sebarang pembayaran yang diterima daripada Pemohon, pertama untuk menjelaskan sebarang ansuran yang tertunggak sebelum sebarang fi dan caj yang perlu dibayar di bawah Kemudahan ini. Jika sebarang jumlah yang didapati kembali semasa penguatkuasaan adalah kurang daripada jumlah yang kena dibayar pada masa itu, Bank akan menggunakan jumlah tersebut menurut sebarang perkadaran dan turutan keutamaan dan secara amnya menurut sebarang cara yang boleh ditentukan olehnya tertakluk kepada kepatuhan kepada mana-mana peraturan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

- 3.6 The Applicant shall make arrangements to make timely repayments of the Facility even if the Applicant is out of Malaysia.

Pemohon hendaklah membuat perkiraan untuk membayar balik Kemudahan meskipun jika Pemohon berada di luar Malaysia.

- 3.7 In the event of the Applicant's death before the end of the financing tenure, the Bank shall waive the Applicant's obligation to repay monies owing by the Applicant to the Bank under the Facility up to a maximum of Ringgit Malaysia Twenty Five Thousand (RM25,000) only. Any balance monies owing after the said waiver by the Bank shall remain due and owing by the Applicant to the Bank.

Jika Pemohon meninggal dunia sebelum tamat tempoh pembiayaan, Bank hendaklah mengetepikan tanggungjawab Pemohon untuk membayar balik wang yang dihutang oleh Pemohon kepada Bank di bawah Kemudahan ini sehingga maksimum sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000) sahaja. Sebarang baki wang yang dihutang selepas penehian tersebut oleh Bank tetap kena dibayar dan tertutang oleh Pemohon kepada Bank.

#### **4. PREPAYMENT/EARLY SETTLEMENT / PRA-PEMBAYARAN/ PENYELESAIAN AWAL**

- 4.1 Subject to Clause 4.3, the Applicant may also settle part of the Facility provided the amount settled:-

Tertakluk kepada Klausula 4.3, Pemohon juga boleh menyelesaikan sebahagian daripada Kemudahan dengan syarat jumlah yang diselesaikan:-

- (i) is in multiples of not less than six (6) times the amount of the instalment;  
adalah dalam gandaan yang tidak kurang daripada enam (6) kali ganda jumlah ansuran;
- (ii) is applied towards the amounts due in the inverse order of maturity; and  
digunakan untuk membayar jumlah kena dibayar menurut turutan kematangan songsang; dan
- (iii) shall not affect the Applicant's obligation to pay promptly the subsequent instalments and is without prejudice to the Applicant's obligation to pay all amounts due under the Facility.  
tidak akan menjejaskan obligasi Pemohon untuk membayar ansuran selepasnya tepat pada masanya dan adalah tanpa prejudis terhadap obligasi Pemohon untuk membayar semua jumlah yang kena dibayar di bawah Kemudahan.

Any amount settled shall not subsequently be available for re-drawing. Such early settlement in respect of part of the Facility will not be subject to any early settlement fee.

Sebarang jumlah yang diselesaikan selepas itu tidak boleh dikeluarkan semula. Penyelesaian awal untuk sebahagian Kemudahan tersebut tidak akan dikenakan sebarang fi penyelesaian awal.

- 4.2 Subject to Clause 4.3, the Applicant may also early settle the full Facility before the end of the financing tenure.

Tertakluk kepada Klausula 4.3, Pemohon juga boleh menyelesaikan sepenuhnya Kemudahan dengan awal sebelum tamat tempoh pembiayaan.

- 4.3 The Applicant shall give to the Bank one (1) month prior notice in writing if the Applicant wishes to early settle part of or fully the Facility, failing which such additional payment shall be treated as payment of advance instalments and not applied towards the reduction of the Facility amount outstanding. For the avoidance of doubt, the Bank shall not be liable to pay any interest on amounts which have been treated as advance instalments.

Pemohon hendaklah memberikan kepada Bank notis bertulis terdahulu selama satu (1) bulan jika Pemohon ingin menyelesaikan sebahagian atau keseluruhan Kemudahan dengan awal, dan jika tidak pembayaran tambahan sedemikian akan diperlakukan sebagai pembayaran ansuran secara terdahulu dan tidak digunakan untuk mengurangkan jumlah Kemudahan yang belum dijelaskan. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak bertanggungjawab membayar sebarang faedah ke atas jumlah yang diperlakukan sebagai ansuran terdahulu.

#### **5. DEFAULT INTEREST / FAEDAH INGGAR**

- 5.1 In addition to the interest payable under Clause 2, the Applicant hereby further agrees to pay to the Bank default interest at the rate of one per centum (1% p.a.) per annum or such rate as the Bank may from time to time stipulate on overdue instalments and any monies due and remaining unpaid to the Bank irrespectively of whether a demand by the Bank has been made or not from and including the day immediately following the due date to the date of full repayment thereof calculated on a daily balance basis and capitalized at the end of each calendar month.

Di samping faedah yang perlu dibayar di bawah Klausula 2, Pemohon dengan ini selanjutnya bersetuju membayar kepada Bank faedah ingkar pada kadar satu peratus (1% setahun) setahun atau apa-apa kadar yang Bank boleh dari semasa ke semasa tetapkan ke atas ansuran lampau tempoh dan apa-apa wang yang kena dibayar dan belum dibayar kepada Bank tidak kira sama ada tuntutan dibuat oleh Bank atau tidak dari dan termasuk hari selepas tarikh kena bayar sehingga tarikh pembayaran balik penuh yang dikira pada dasar baki harian dan dipermodalkan pada setiap akhir bulan kalendar.

- 5.2 Default interest shall accrue before and after judgment on a daily basis regardless of whether the banker and customer relationship has been terminated.

Faedah ingkar akan terakru sebelum dan selepas penghakiman atas dasar kiraan atas baki harian tidak kira sama ada perhubungan jurubank dan pelanggan telah ditamatkan.

#### **6. EVENTS OF DEFAULT / KEJADIAN INGGAR**

- 6.1 The Facility is subject to it not becoming unlawful, impracticable for the Bank to comply with its obligations herein or to continue to make available the Facility and the availability (and continuing availability) of the Facility is subject to there not having occurred any of the following Event of Default:-

- (a) the Applicant fails or defaults in the payment of the Facility and/ or any sum of money payable under these Terms or the Facility, whether formally demanded or not;
- (b) the Applicant commits or threaten to commit a default or breach of any covenants, stipulations, terms or conditions contained in these Terms or the documents pertaining to the Facility;
- (c) any representation or warranty of the Applicant, these Terms or any documents pertaining to the Facility proves to have been untrue or incorrect as of the date at which it was made or deemed to have been made;
- (d) if bankruptcy proceedings are instituted against the Applicant;
- (e) if the Applicant enters into a voluntary arrangement with its creditor(s);
- (f) any indebtedness of the Applicant to the Bank or any other third party from time to time or at any time or if the Applicant may be or become liable to the Bank anywhere on any banking, financing, loan, any other credit facilities or any other account(s) current or otherwise ("the account(s)") or in any other manner whatsoever including but not limited to liability of the Applicant incurred to the Bank as surety(ies) or guarantor(s) or if default is made in relation to any provisions governing the account(s);
- (g) the Applicant has furnished false information or data to the Bank;
- (h) in the opinion of the Bank, the Applicant's account with the Bank (including any other accounts the Applicant may have with the Bank) is or has not been operated satisfactorily;
- (i) if the Applicant dies and after the waiver of the Applicant's obligation to repay monies owing to the Bank under the Facility up to a maximum of Ringgit Malaysia Twenty Five Thousand (RM25,000) only under Clause 3.7, there are still monies owing under the Facility by the Applicant to the Bank;

- (j) the Applicant becomes insane;
- (k) a distress or execution is levied or enforced upon any of the Applicant's properties or a trustee, or similar official is appointed over all or a substantial part of his assets;
- (l) the Applicant ceases or threatens to cease carrying on his business or transfers or disposes or intends to transfer or dispose of a substantial part of his assets;
- (m) the Applicant alleges that all or a material part of these Terms cease to be of full force or effect;
- (n) any of the Applicant's current accounts is closed by any bank following the requirements of the applicable regulations from time to time governing dishonoured cheques and/or the policies of the said bank maintaining such current accounts, notwithstanding that his current account(s) with the Bank, whether held solely or jointly with others, has been conducted satisfactorily; or
- (o) there is a breach of any of the provisions contained in the Financial Services Act 2013 or any prevailing laws or regulatory requirements or directives or guidelines issued or which may from time to time be issued or amended by Bank Negara Malaysia pertaining to the grant of this Facility generally or to persons connected with the Bank.

*Kemudahan adalah tertakluk kepada syarat bahawa kepatuhan obligasi Bank di dalam ini dan tindakan Bank yang terus menyediakan Kemudahan bukannya menyalahi undang-undang, tidak wajar atau tidak praktik dan ketersediaan (dan ketersediaan berterusan) Kemudahan adalah tertakluk kepada mana-mana Kejadian Ingkar berikut tidak berlaku:-*

- (a) *Pemohon gagal atau ingkar membayar Kemudahan dan/atau sebarang jumlah wang yang perlu dibayar di bawah Terma ini atau Kemudahan, sama ada dituntut secara rasmi atau tidak;*
- (b) *Pemohon melakukan atau mengancam untuk melakukan keingkaran atau kemungkiran apa-apa waad penetapan terma atau syarat yang terkandung dalam Terma ini atau dokumen berhubung dengan Kemudahan;*
- (c) *sebarang representasi atau jaminan oleh Pemohon, Terma ini atau sebarang dokumen berhubung dengan Kemudahan terbukti tidak benar atau tidak tepat pada tarikh apabila representasi atau jaminan tersebut dibuat atau dianggap dibuat;*
- (d) *jika prosiding kebankrapan dimulakan terhadap Pemohon;*
- (e) *jika Pemohon memasuki penyusunan sukarela dengan pemiutang;*
- (f) *sebarang keberhutangan Pemohon kepada Bank atau mana-mana pihak ketiga lain dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa atau jika Pemohon mungkin atau telah menjadi bertanggungjawab kepada Bank di mana pun jua terhadap sebarang kemudahan perbankan, pembiayaan, pinjaman, sebarang kemudahan kredit lain atau apa-apa akaun lain semasa atau sebaliknya ("akaun") atau dalam sebarang cara lain pun jua termasuk tetapi tidak terhad kepada liabiliti Pemohon yang ditanggung kepada Bank sebagai penjamin atau jika keingkaran dilakukan berhubung dengan sebarang peruntukan yang mengawal akaun;*
- (g) *Pemohon telah memberikan maklumat atau data palsu kepada Bank;*
- (h) *menurut pendapat Bank, akaun Pemohon dengan Bank (termasuk sebarang akaun lain yang mungkin dipegang oleh Pemohon dengan Bank) kini atau dulu tidak dikendalikan dengan memuaskan;*
- (i) *jika Pemohon meninggal dunia dan selepas penepian tanggungjawab Pemohon untuk membayar balik wang yang dihutang kepada Bank di bawah Kemudahan sehingga maksimum Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima Ribu (RM25,000) di bawah Klausula 3.7, masih ada wang yang dihutang di bawah Kemudahan oleh Pemohon kepada Bank;*
- (j) *Pemohon menjadi tidak waras;*
- (k) *distres atau pelaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan terhadap mana-mana harta Pemohon atau pemegang amanah atau pegawai serupa dilantik terhadap semua atau sebahagian besar asetnya;*
- (l) *Pemohon berhenti atau mengancam untuk berhenti menjalankan perniagaannya atau memindahkan atau melupuskan atau bercadang untuk memindahkan atau melupuskan sebahagian besar daripada asetnya;*
- (m) *Pemohon mendakwa bahawa semua atau sebahagian penting daripada Terma ini tidak lagi berkuat kuasa atau berkesan sepenuhnya;*
- (n) *sebarang akaun semasa Pemohon ditutup oleh mana-mana*

*bank berikutan keperluan peraturan yang terpakai dari semasa ke semasa yang mengawal cek tak layan dan/atau dasar bank yang mengendalikan akaun semasa tersebut, tidak kira sama ada akaun semasanya dengan Bank, sama ada dipegang secara tunggal atau bersama dengan orang lain, telah dikendalikan dengan memuaskan; atau*

- (o) *pelanggaran mana-mana peruntukan yang terkandung dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau mana-mana undang-undang semasa atau keperluan kawal selia atau arahan atau garis panduan yang dikeluarkan atau dari semasa ke semasa dikeluarkan atau dipinda oleh Bank Negara Malaysia berkenaan dengan pemberian Kemudahan ini secara amnya atau kepada orang yang berkaitan dengan Bank.*

6.2 In the event of any one or more of such Event of Default, the Bank may by giving seven (7) calendar days notice to the Applicant declare that the Facility or any part thereof which remains unreleased be suspended, withdrawn or terminated and that the outstanding Facility amount together with the interest thereon and all other monies payable to the Bank under the Facility be payable after seven (7) calendar days from the Bank's said notice.

*Sekiranya mana-mana satu atau lebih daripada satu Kejadian Ingkar berlaku, Bank boleh dengan memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pemohon mengisytiharkan bahawa Kemudahan atau mana-mana bahagian daripadanya yang masih belum dilepaskan adalah digantung, ditarik balik atau ditamatkan dan bahawa jumlah Kemudahan yang belum dijelaskan bersama-sama dengan faedah ke atasnya dan semua wang lain yang perlu dibayar kepada Bank di bawah Kemudahan adalah perlu dibayar selepas tujuh (7) hari kalendar dari tarikh notis Bank tersebut.*

## **7. COMBINATION OR CONSOLIDATION OF ACCOUNTS AND/OR SET-OFF / PENGGABUNGAN ATAU PENYATUAN AKAUN DAN/ATAU TOLAKAN**

7.1 The Applicant agrees that the Bank may, by giving the Applicant seven (7) calendar days prior notice, combine or consolidate all or any of the Applicant's accounts with the Bank of whatsoever description and wheresoever located and whether in Ringgit Malaysia or in any other currency and/or set-off or transfer any sum standing to the credit of any such accounts including accounts held jointly with others in or towards the satisfaction of any of the indebtedness of the Applicant. Pending the Bank effecting the set off the Bank shall have the right to withhold and or suspend payment of any monies from the credit balance of any such accounts.

*Pemohon bersetuju bahawa Bank boleh, dengan memberi kepada Pemohon notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar, menggabungkan atau menyatukan semua atau mana-mana akaun Pemohon dengan Bank dalam apa jua jenisnya tidak kira di mana letaknya dan sama ada dalam Ringgit Malaysia atau dalam apa-apa mata wang lain dan/atau menolak atau memindahkan jumlah kredit dalam mana-mana akaun tersebut termasuk akaun yang dipegang secara bersama dengan orang lain untuk atau bagi tujuan menjelaskan sebarang keberhutangan Pemohon. Sementara menunggu Bank melakukan tolakan, Bank berhak untuk menahan dan/atau menggantung pembayaran apa-apa wang daripada baki kredit mana-mana akaun tersebut.*

## **8. DISCLOSURE OF INFORMATION / PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Subject to the provisions below which (i) prohibit disclosure of information to companies which are or which in future may be companies within the group of the Bank as well as companies within the group of CIMB Group Holdings Berhad, the Bank's ultimate holding company ("the Group Companies") if objected to by the Applicant; and (ii) require the Applicant's express consent for disclosure of information to third parties for the stated purposes, the Applicant hereby agrees and authorizes the Bank to disclose any information relating to the Applicant, the application or these Terms, the security interest and/or the Applicant's affairs or accounts:

- (a) to any of the Bank's agents, service providers, auditors, legal counsel, other professional advisors, security providers, guarantors and to any person in or outside Malaysia who provides any security to secure the Facility and/or is a party to any agreements which may constitute or form the basis of such security interest;
- (b) to the Central Credit Bureau, DCHEQS or other relevant authorities to whom such Bureau or authorities the Bank is required to make such disclosure and/or to any authorities having jurisdiction over the Bank;
- (c) to any financial institutions with which the Applicant has or propose to have dealings;

- (d) to Group Companies whether such Group Companies are residing, carrying on business, incorporated or constituted within or outside Malaysia;

for facilitating the business, operations, facilities and services of or granted or provided by the Bank and/or the Group Companies to their customers as the Bank deems fit or appropriate or as required by law or pursuant to any subpoena or order of the court.

Disclosure to Group Companies shall be for facilitating the operations, businesses, cross-selling and other purposes of the Bank and/or the Group Companies provided always that **disclosure for cross selling purposes shall not be effected if such disclosure is objected by the Applicant** by contacting the Bank at the following telephone number or address (which may be changed by the Bank from time to time by notice to the Applicant): 19th Floor, Menara Bumiputra Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Tel No.: +603 6204 7788.

Further, where the Bank intends to share the Applicant's information (excluding information relating to the Applicant's affairs or account) with third parties for strategic alliances, marketing and promotional purposes, the Bank shall ensure that consent from the Applicant has been obtained.

The Applicant hereby expressly confirms that the Bank, its officers and agents shall be under no liability in any circumstances whatsoever for furnishing such information whether by reason of any misstatement, error, omission, delay or any matter in connection thereto whatsoever and whether before on or after the date of these Terms unless the same is caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default.

*Tertakluk kepada peruntukan di bawah mana (i) melarang pendedahan maklumat kepada syarikat-syarikat yang sedang atau pada masa depan mungkin syarikat-syarikat dalam kumpulan Bank dan syarikat-syarikat dalam kumpulan CIMB Group Holdings Berhad, syarikat induk muktamad Bank ("Kumpulan Syarikat") jika dibantah oleh Pemohon; dan (ii) menghendaki persetujuan nyata Pemohon bagi pendedahan maklumat kepada pihak ketiga untuk tujuan yang dinyatakan, Pemohon dengan ini bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat berkaitan dengan Pemohon, permohonan kemudahan atau Terma ini, kepentingan sekuriti, hal ehwal Pemohon dan/atau akaun Pemohon:*

- (a) kepada mana-mana ejen Bank, pembekal perkhidmatan, juruaudit, penasihat undang-undang, penasihat-penasihat profesional yang lain, penyedia cagaran dan penjamin atau mana-mana orang di dalam atau di luar Malaysia yang menyediakan apa-apa kepentingan sekuriti untuk menjamin Kemudahan dan/atau merupakan pihak kepada sebarang perjanjian yang membentuk atau menjadi asas kepada apa-apa kepentingan sekuriti berkenaan;
- (b) kepada Biro Kredit Pusat, DCHEQS atau pihak berkuasa berkenaan atau yang berkaitan dengannya yang mana pihak Bank dikehendaki untuk membuat pendedahan dan/atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank;
- (c) kepada mana-mana institusi-(institusi) kewangan yang mana Pemohon telah atau bercadang menjalankan urusan;
- (d) kepada Kumpulan Syarikat sama ada Kumpulan Syarikat tersebut adalah tinggal, menjalankan perniagaan, ditubuhkan atau diperbadankan di dalam atau di luar Malaysia;

untuk memudahkan perniagaan, operasi, kemudahan dan perkhidmatan oleh atau diberikan atau disediakan oleh Bank dan/atau Kumpulan Syarikat kepada pelanggan mereka di mana Bank menganggap berpatutan atau bersesuaian atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau menurut mana-mana sepina atau perintah mahkamah.

*Pendedahan kepada Kumpulan Syarikat hendaklah bagi memudahkan operasi, perniagaan, penjualan silang dan tujuan lain Bank dan/atau Kumpulan Syarikat dengan syarat bahawa **pendedahan bagi tujuan jualan silang tidak boleh dilakukan jika pendedahan sedemikian dibantah oleh Pemohon** dengan menghubungi Bank di nombor telefon atau alamat berikut (yang boleh diubah oleh Bank dari masa ke semasa melalui notis kepada Pemohon) Tingkat 19, Menara Bumiputra Commerce, 11 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur, Tel: +603 6204 7788.*

*Di samping itu, di mana Bank bercadang untuk berkongsi maklumat Pemohon (tidak termasuk maklumat yang berkaitan dengan hal ehwal Pemohon atau akaun Pemohon) dengan pihak ketiga bagi tujuan perikatan strategik, pemasaran dan tujuan promosi, Bank hendaklah memastikan bahawa persetujuan Pemohon telah diperolehi.*

*Pemohon dengan jelas mengesahkan bahawa Bank, pegawai-pegawai Bank dan ejen-ejen Bank tidak akan menanggung sebarang liabiliti dalam apa jua keadaan sekalipun dalam mendedahkan maklumat walaupun sekiranya maklumat tersebut tidak tepat, salah, berlaku peninggalan maklumat, kelewatan atau perkara lain berhubung dengan pendedahan maklumat tersebut dalam apa jua keadaan sekalipun sama ada sebelum atau selepas tarikh Terma ini melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.*

## 9. INDEMNITY / TANGGUNG RUGI

- 9.1 All fees and expenses, solicitors' fee (on a solicitor and client basis) and costs (including stamp duty, if any) incurred or expanded by the Bank in relation to or incidental to the provisions and the documentary preparation of this Facility, these Terms and/or the Bank's enforcement of its rights under the Facility shall be payable by the Applicant. In addition to the provisions herein, the Applicant agrees to indemnify the Bank and hold the Bank harmless from and against any payments, losses, costs, charges or expenses whatsoever, legal or otherwise, which the Bank may sustain, suffer or incur as a consequence of the Bank granting and extending the Facility to the Applicant or as a consequence of any default there under unless they arise from and are caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default. The Bank reserves the right to charge and the Applicant shall and hereby undertakes to bear all whatsoever fees and charges imposed by the Bank in any way connected with the Facility and any redemption statement(s) issued or to be issued thereunder.

*Semua fi dan perbelanjaan, fi peguamcara (atas dasar peguamcara dan anakguam) dan kos (termasuk duti setem, jika ada) yang ditanggung atau dibelanjakan oleh Bank berhubung dengan atau sampingan pada peruntukan dan persediaan dokumen bagi Kemudahan ini, Terma ini dan/atau penguatkuasaan oleh Bank terhadap haknya di bawah Kemudahan perlu dibayar oleh Pemohon. Di samping peruntukan di dalam ini, Pemohon bersetuju menanggung rugi Bank dan memastikan Bank tidak dipertanggungjawabkan atas sebarang pembayaran, kerugian, kos, caj atau perbelanjaan pun jua, guaman atau sebaliknya, yang mungkin ditanggung atau dialami oleh Bank akibat Bank memberikan dan menyediakan Kemudahan kepada Pemohon atau akibat apa-apa keingkaran di bawahnya melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank. Bank merizab hak untuk mengenakan dan Pemohon hendaklah dan dengan ini berakujanji untuk menanggung semua fi dan caj yang dikenakan oleh Bank yang dalam apa cara jua berkait dengan Kemudahan dan sebarang penyata penebusan yang dikeluarkan atau akan dikeluarkan di bawahnya.*

## 10. CHANGE IN ADDRESS / PERUBAHAN ALAMAT

- 10.1 The Applicant must promptly notify the Bank in writing of any changes in employment or business or address (office or residential) or if the Applicant intends to be absent from Malaysia for more than thirty (30) consecutive calendar days. It is important for the Applicant to promptly notify the Bank of any changes to the abovementioned details in order to ensure that the Bank has the latest updated information of the Applicant.

*Pemohon hendaklah memaklumkan Bank dengan segera secara bertulis tentang sebarang perubahan pada pekerjaan atau perniagaan atau alamat (pejabat atau kediaman) atau jika Pemohon bercadang untuk berada di luar Malaysia selama lebih daripada tiga puluh (30) hari kalendar berturut-turut. Pemohon perlu memaklumkan Bank dengan segera tentang apa-apa perubahan pada butir-butir di atas untuk memastikan Bank mempunyai maklumat yang dikemaskinikan tentang Pemohon.*

## 11. SUSPENSE ACCOUNT / AKAUN DITANGGUH

- 11.1 The Bank may place any monies received from the Applicant into a non-interest bearing suspense account if the Bank reasonably deems fit without any obligation to apply such monies towards settlement of the debt owed by the Applicant provided that if the Bank exercises its right to place the monies received towards the settlement of the debt into a suspense account, it shall as soon as practicable after the placement into a suspense account notify the Applicant of the same and give the Applicant reasons for its action. Notwithstanding such payment, in the event of bankruptcy of the Applicant, the Bank may prove for and accept any dividend or composition in respect of the whole of the debt due to the Bank.

*Bank boleh menempatkan sebarang wang yang diterima daripada Pemohon ke dalam akaun ditangguh tanpa faedah jika Bank secara munasabah menganggapnya wajar tanpa sebarang obligasi untuk menggunakan wang tersebut untuk menjelaskan hutang yang*

terhutang oleh Pemohon dengan syarat jika Bank menggunakan haknya untuk menempatkan wang yang diterima untuk menjelaskan hutang ke dalam akaun ditangguh, ia hendaklah secepat mungkin selepas penempatan ke dalam akaun ditangguh memaklumkan perkara tersebut kepada Pemohon dan memberikan sebab-sebab tindakan Bank kepada Pemohon. Meskipun pembayaran tersebut, sekiranya berlaku kebangkrapan Pemohon, Bank boleh membuktikan dan bersetuju menerima sebarang dividen atau persetujuan berhubung dengan keseluruhan hutang yang kena dibayar kepada Bank.

## 12. CERTIFICATE OF INDEBTEDNESS / PERAKUAN KEBERHUTANGAN

12.1 Any certificate, notice or demand signed on behalf of the Bank by any officer of the Bank or any solicitor or firm of solicitor acting on behalf of the Bank shall be conclusive evidence against the Applicant for all purposes whatsoever including for purposes of legal proceedings in relation to all matters stated therein including the amount due and owing to the Bank by the Applicant and shall not be questioned on any account whatsoever, save and except where there is manifest error.

*Sebarang perakuan, notis atau tuntutan yang ditandatangani bagi pihak Bank oleh mana-mana pegawai Bank atau mana-mana peguamcara atau firma peguamcara yang bertindak bagi pihak Bank adalah bukti konklusif terhadap Pemohon untuk apa jua tujuan termasuk untuk tujuan prosiding undang-undang berhubung dengan semua perkara yang dinyatakan dalamnya termasuk jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank oleh Pemohon dan tidak boleh dipersoalkan atas apa jua sebab kecuali terdapat kesilapan yang nyata.*

## 13. ASSIGNMENT / PENYERAHAN HAK

13.1 The Bank but not the Applicant shall have the right to assign its rights and liabilities under the Facility by notice to the Applicant. The liabilities and obligations created by these Terms or any documents pertaining to the Facility shall continue to be valid and binding for all purposes whatsoever notwithstanding any change by amalgamation, reconstruction, or otherwise, which may be made in the constitution of the Bank.

*Bank, tetapi bukan Pemohon, berhak menyerahkan hak dan liabilitinya di bawah Kemudahan dengan memberikan notis kepada Pemohon. Liabiliti dan obligasi yang diwujudkan oleh Terma ini atau sebarang dokumen berhubung dengan Kemudahan akan terus sah dan mengikat bagi semua jua meskipun sebarang perubahan melalui penggabungan, penyusunan semula, atau sebaliknya, yang dilakukan terhadap Bank.*

## 14. TIME / MASA

14.1 Time wherever mentioned herein for the Applicant's performance of these Terms shall be of the essence. Time provided for at law for recovery of all sums due herein to the Bank shall not run as against the Bank until a demand in writing for payment of the same has been made against the Applicant.

*Masa, di mana jua disebut di dalam ini untuk Pemohon melaksanakan Terma ini, menjadi asas. Masa yang diperuntukkan di sisi undang-undang untuk mendapatkan balik semua jumlah yang kena dibayar di dalam ini kepada Bank tidak akan bermula terhadap Bank sehingga tuntutan bertulis untuk pembayarannya telah dibuat terhadap Pemohon.*

## 15. WAIVERS / PENEPIAN

No failure, omission or delay on the Bank in exercising any right, power, privilege or remedy accruing to the Bank under these Terms shall impair any such right, power, privilege or remedy or be construed as a waiver thereof or any acquiescence in such default, nor shall any action by the Bank in respect of any default or any acquiescence in any default affect or impair any right, power, privilege or remedy of the Bank in respect of any other or subsequent default.

*Sebarang kegagalan, ketinggalan atau kelewatan oleh Bank untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, kelebihan atau remedi yang terakru kepada Bank di bawah Terma ini tidak akan menjejaskan hak, kuasa, kelebihan atau remedi tersebut atau ditafsirkan sebagai penepiannya atau keakuran terhadap keingkaran sedemikian, dan sebarang tindakan oleh Bank berhubung dengan sebarang keingkaran atau keakuran terhadap keingkaran tidak akan menjejaskan atau memudaratkan sebarang hak, kuasa, kelebihan atau remedi Bank berhubung dengan sebarang keingkaran lain atau keingkaran selepas itu.*

## 16. CROSS DEFAULT / KEINGKARAN SILANG

16.1 In the event an Event of Default has occurred, the Bank has the right to recall and demand repayment of all sums owing by the Applicant to the Bank in respect of other facilities granted by the Bank.

*Jika Kejadian Ingkar telah berlaku, Bank berhak menarik balik dan menuntut pembayaran balik semua jumlah yang terhutang oleh Pemohon kepada Bank terhadap kemudahan lain yang diberikan oleh Bank.*

## 17. CHANGES / PERUBAHAN

17.1 The Bank reserves the right to upon giving at least twenty one (21) calendar days' prior notice to the Applicant:

(a) vary the interest rate and/or default interest rate or method of calculation of service fee, fees and other charges, minimum payment due, interest and any other applicable fees, charges or levies provided for herein for any reason whatsoever (whether arising from the change in the Applicant's risk profile or otherwise) including the effective date of any such change; and

(b) vary (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) any of these Terms at any time and from time to time (collectively referred to as "Changes").

Notification to the Applicant in respect of the Changes shall be effected in the manner or methods of communication as stated in Clause 18.1. The Changes shall apply on the effective date specified by the Bank in the Bank's notice.

*Bank merizab hak untuk apabila memberi notis terdahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar kepada Pemohon:*

(a) *mengubah kadar faedah dan/atau kadar faedah ingkar atau kaedah pengiraan fi perkhidmatan, fi dan caj lain, bayaran minimum kena dibayar, faedah dan sebarang fi, caj atau levi berkenaan lain yang diperuntukkan di dalam ini bagi apa-apa sebab sekalipun (sama ada yang timbul daripada perubahan dalam profil risiko pemohon atau sebaliknya) termasuk tarikh berkuat kuasa sebarang perubahan sedemikian; dan*

(b) *mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) sebarang Terma ini pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa (secara kolektif dirujuk sebagai "Perubahan").*

*Makluman tentang Pindaan kepada Pemohon akan dilaksanakan dalam cara atau kaedah komunikasi yang dinyatakan dalam Klausula 18.1. Perubahan akan berkuat kuasa pada tarikh berkuat kuasa yang ditetapkan oleh Bank dalam notis Bank.*

## 18. COMMUNICATION / KOMUNIKASI

18.1 The Applicant hereby agrees that the Bank shall be entitled to adopt any one or more of the following manner or methods of communication concerning the Changes including the effective date of any such change:-

(a) by dispatching the same to the Applicant by courier or hand. The communication made by the Bank in accordance with this Clause 18.1(a) shall be deemed to have been received by or communicated to the Applicant on the date of delivery; and/or

(b) by posting a notice in the Bank's premises stating such changes and its effective date of change. The communication made by the Bank in accordance with this Clause 18.1 (b) shall be deemed to have been received by or communicated to the Applicant on the date of posting of the notice in the Bank's premises; and/or

(c) by way of a single publication in one or more daily newspaper of the Bank's choice of such changes and its effective date of change. The communication made by the Bank in accordance with this Clause 18.1 (c) shall be deemed to have been received by or communicated to the Applicant on the date of first publication in any daily newspaper of the Bank's choice; and/or

(d) by posting an insertion in the Bank's statement of account of such changes and its effective date of change. The communication made by the Bank in accordance with this Clause 18.1 (d) shall be deemed to have been received by or communicated to the Applicant three (3) calendar days after the date of posting of the Bank's statement of account to Applicant to the last known address of the Applicant in the Bank's record; and/or

(e) by posting a notice of such changes and its effective date of change to the Applicant by way of an ordinary or registered post to the last known address of the Applicant in the Bank's record. The communication made by the Bank in accordance with this Clause 18.1 (e) shall be deemed to have been received by or communicated to the Applicant three (3) calendar days after the date of posting of the notice to the Applicant by ordinary or registered post; and/or

(f) by sending notice of such changes and its effective date of change by short message service ("SMS") or electronic mail to the Applicant or by posting the notice of such changes

and its effective date of change on the Bank's website. The communication made by the Bank in accordance with this Clause 18.1 (f) shall be deemed to have been received by or communicated to the Applicant on the date the notice of such changes are sent by SMS or electronic mail to the Applicant or the date such notice of changes are posted to the Bank's website.

*Pemohon dengan ini bersetuju bahawa Bank berhak menggunakan mana-mana satu atau lebih daripada satu cara atau kaedah komunikasi berikut tentang perubahan termasuk tarikh berkuat kuasa sebarang perubahan tersebut:-*

- (a) *dengan menghantarnya kepada Pemohon melalui kurier atau serahan tangan. Komunikasi yang dibuat oleh Bank selaras dengan Klausula 18.1(a) ini hendaklah dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penyerahan; dan/atau*
- (b) *dengan menampal notis di premis Bank menyatakan perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut. Komunikasi yang dibuat oleh Bank selaras dengan Klausula 18.1(b) ini hendaklah dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penampalan notis di premis Bank; dan/atau*
- (c) *melalui penerbitan sekali sahaja dalam satu atau lebih daripada satu akhbar harian pilihan Bank tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut. Komunikasi yang dibuat oleh Bank selaras dengan Klausula 18.1(c) ini hendaklah dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh penerbitan pertama dalam mana-mana akhbar harian pilihan Bank; dan/atau*
- (d) *dengan memasukkan catatan dalam penyata akaun Bank tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut. Komunikasi yang dibuat oleh Bank selaras dengan Klausula 18.1(d) ini hendaklah dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon tiga (3) hari kalendar selepas tarikh pengeposan penyata akaun Bank kepada Pemohon ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank; dan/atau*
- (e) *dengan mengepos notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut kepada Pemohon melalui pos biasa atau pos berdaftar. Komunikasi yang dibuat oleh Bank selaras dengan Klausula 18.1(e) ini hendaklah dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon tiga (3) hari kalendar selepas tarikh pengeposan notis kepada Pemohon melalui pos biasa atau pos berdaftar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank; dan/atau*
- (f) *dengan menghantar notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut melalui perkhidmatan pesanan ringkas ("SMS") atau e-mel kepada Pemohon atau dengan meletakkan notis tentang perubahan tersebut dan tarikh berkuat kuasa perubahan tersebut di laman web Bank. Komunikasi yang dibuat oleh Bank selaras dengan Klausula 18.1(f) ini hendaklah dianggap diterima oleh atau dimaklumkan kepada Pemohon pada tarikh apabila notis tentang perubahan tersebut dihantar melalui SMS atau e-mel kepada Pemohon atau tarikh apabila notis tentang perubahan tersebut diletakkan di laman web Bank.*

18.2 All notices or communication given by the Applicant to the Bank shall be deemed to have been received by the Bank at the time of actual receipt by the Bank.

*Semua notis atau komunikasi yang diberikan oleh Pemohon kepada Bank akan dianggap diterima oleh Bank pada masa penerimaan sebenar oleh Bank.*

18.3 (a) The Bank is irrevocably authorised (but not obliged) to contact and/or notify the Applicant by ordinary post, hand, courier service, facsimile, electronic mail, telephone or any other means of communication as determined by the Bank whereby mail, fax, SMS, voice recording, text or other electronic messages or information are sent to the Applicant's address, e-mail address or mobile phone number or other contact number or particulars on record with the Bank which the Bank deems appropriate. Notification and/or information sent by post, hand, courier service, facsimile, electronic mail, telephone or any other means of communication as determined by the Bank including by mail, fax, SMS, voice recording, text or other electronic message or information may consist of such information as the Bank deems appropriate and may include (but not be limited to) reminders sent in respect of minimum payments due, payment due dates, demand for repayment of amounts due and owing to the Bank

(if any), updates on benefits, programmes and promotions and or other information of general interest and/or specific to the Applicant. Such service and/or delivery shall be deemed effective:-

- (i) three (3) calendar days after posting to the last known address of the Applicant in the Bank's record, if sent by post;
- (ii) at the time of delivery, if delivered by hand or courier;
- (iii) at the time the notices are sent by facsimile, e-mail or other forms of instantaneous communication (including SMS and voice recording).

*Bank adalah secara tidak boleh batal dibenarkan (tetapi tidak diwajibkan) untuk menghubungi dan/atau memaklumkan kepada Pemohon melalui pos biasa, tangan, perkhidmatan kurier, faks, mel elektronik, telefon atau apa-apa cara komunikasi lain seperti yang ditentukan oleh Bank di mana mel, faks, SMS, rakaman suara, teks atau mesej atau maklumat elektronik lain yang dihantar ke alamat, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit atau nombor telefon atau butir-butir lain dalam rekod Bank yang dianggap sesuai oleh Bank. Notifikasi dan/atau maklumat yang dihantar melalui pos, tangan, perkhidmatan kurier, faks, mel elektronik, telefon atau apa-apa cara komunikasi lain seperti yang ditentukan oleh Bank termasuk melalui mel, faks, SMS, rakaman suara, teks, atau mesej atau maklumat elektronik lain boleh mengandungi maklumat yang dianggap sesuai oleh Bank dan mungkin termasuk (tetapi tidak terhad kepada) peringatan yang dihantar berkenaan dengan bayaran minimum yang kena dibayar, tarikh matang bayaran, tuntutan untuk pembayaran balik jumlah yang kena dibayar dan terhutang kepada Bank (jika ada), pemberitahuan mengenai faedah, program dan promosi dan/atau maklumat lain berkenaan dengan minat umum dan/atau khusus kepada Pemohon. Perkhidmatan dan/atau penghantaran tersebut hendaklah dianggap berkesan:-*

- (i) *tiga (3) hari kalendar selepas pengeposan ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank, jika dihantar melalui pos;*
- (ii) *pada masa penyampaian, jika dihantar dengan tangan atau kurier;*
- (iii) *pada masa notis dihantar melalui faks, e-mel atau bentuk komunikasi serta-merta lain (termasuk SMS dan rakaman suara).*

(b) The Applicant shall be fully responsible for the security and safekeeping of the information he receives and shall ensure that such notices sent by the Bank are not disclosed to or given access to any other parties ('disclosure to third parties').

*Pemohon hendaklah bertanggungjawab dengan sepenuhnya ke atas keselamatan dan penyimpanan maklumat yang diterima olehnya dan hendaklah memastikan bahawa notis-notis tersebut yang dihantar oleh Bank tidak didedahkan kepada atau diberi akses kepada mana-mana pihak lain ('pendedahan kepada pihak ketiga').*

(c) The Bank hereby disclaims all liability to the Applicant for any loss or damage (direct, indirect, special or consequential), loss of business or profits, embarrassments, losses or damages whatsoever arising from the disclosure to third parties or loss or damage of any nature suffered by the Applicant arising from or occasioned by any:-

- (i) malfunction or defect in the transmission of information for whatever reason;
- (ii) inaccuracy, incompleteness, delay or non-delivery of any information transmitted or wrongful transmission of any information to any third party;
- (iii) wrongful, unauthorised or improper access to, use or interpretation of the information transmitted; and
- (iv) claim for libel or slander arising from the transmission of any information

unless they arise from and are caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default. Such notification may be sent in Bahasa Malaysia, English or other languages determined by the Bank.

*Bank dengan ini menafikan semua liabiliti kepada Pemohon untuk apa-apa kerugian atau kerosakan (secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit), kehilangan dalam perniagaan atau keuntungan, perasaan malu, kerugian atau kerosakan dalam apa jua jenis yang timbul daripada pendedahan kepada pihak ketiga atau kerugian atau dalam apa jua jenis yang ditanggung oleh Pemohon yang timbul daripada atau disebabkan oleh mana-mana:-*

- (i) ketidakfungsian atau kegagalan dalam penghantaran maklumat untuk apa-apa sebab;
- (ii) ketidaktepatan, ketidaklengkapan atau kelewatan sebarang maklumat yang dihantar atau maklumat yang dihantar gagal disampaikan atau penghantaran salah apa-apa maklumat kepada mana-mana pihak ketiga;
- (iii) pengaksesan, penggunaan atau pentafsiran maklumat dengan salah, tanpa kebenaran, atau tidak wajar; dan
- (iv) tuntutan libel atau fitnah yang timbul daripada penghantaran apa-apa maklumat

melainkan jika ia timbul daripada dan disebabkan secara langsung oleh kecuaiannya melampau atau keingkaran sengaja Bank. Notifikasi tersebut boleh dihantar dalam Bahasa Malaysia, Inggeris atau bahasa lain yang ditentukan oleh Bank.

## 19. SERVICE OF DOCUMENT OR COURT PROCESS / PENYAMPAIAN DOKUMEN ATAU PROSES MAHKAMAH

- 19.1 The Applicant hereby irrevocably consents to the service of any court process or delivery of cheque, bank draft cashier's order or any other document or item by ordinary post or by hand or by courier service to the last known address of the Applicant in the Bank's record and such service and/or delivery shall be deemed effective three (3) calendar days after posting, if sent by post and at the time of delivery, if delivered by hand or courier. Service of court process may also be affected in any other manner permitted by the law.

*Pemohon dengan ini secara tidak boleh batal membenarkan penyampaian atau sebarang proses mahkamah atau penghantaran cek, draf bank, perintah juruwang atau sebarang dokumen atau barangan lain melalui pos biasa atau serahan tangan atau melalui perkhidmatan kurier ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui dalam rekod Bank dan penyampaian dan/atau penghantaran tersebut akan dianggap berkesan tiga(3) hari kalendar selepas pengeposan, jika dihantar melalui pos dan pada masa penyerahan, jika diserahkan melalui serahan tangan atau kurier. Penyampaian proses mahkamah juga boleh dilaksanakan dalam sebarang cara lain yang dibenarkan oleh undang-undang.*

## 20. RIGHT TO OUTSOURCE DEBT COLLECTION / HAK UNTUK MELANTIK PIHAK KETIGA MEMUNGUT HUTANG

- 20.1 Subject to and not in derogation of its rights under these Terms, the Bank shall have the right, at its sole discretion, and when it deems necessary to appoint and authorise an agent of its choice and on its behalf to collect all and any sums due to the Bank from the Applicant under these Terms. Such appointment and authorisation must be made known to the Applicant at least seven (7) calendar days in advance if the collection of sums due for the account is to be outsourced to a third party debt collection agency. The Bank will inform the Applicant the impact on the Applicant's rights and obligations after the account has been transferred to a third party debt collection agency or sold to a third party. Under specific circumstances where the Applicant is not contactable, the Bank is considered to have fulfilled the obligation if such notice has been sent to the last known address of the Applicant at least seven (7) calendar days in advance. The Bank shall provide the Applicant with the name and contact details of the appointed third party debt collection agency or the third party to whom the Bank has outsourced the collection of all and any sums due to the Bank from the Applicant.

*Tertakluk kepada dan tanpa menjejaskan haknya di bawah Terma ini, Bank berhak, menurut budi bicara tunggalnya dan apabila dianggapnya perlu, untuk melantik dan memberi kuasa kepada agen yang dipilihnya dan bagi pihaknya untuk memungut semua dan sebarang jumlah yang kena dibayar kepada Bank daripada Pemohon di bawah Terma ini. Pelantikan dan pemberikuasaan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada Pemohon sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu jika pungutan jumlah yang kena dibayar untuk akaun akan diserahkan kepada agensi pungutan hutang pihak ketiga. Bank akan memaklumkan Pemohon tentang kesan ke atas hak dan obligasi Pemohon selepas akaun dipindahkan kepada agensi pungutan hutang pihak ketiga atau dijual kepada pihak ketiga. Dalam keadaan khusus di mana Pemohon tidak dapat dihubungi, Bank akan dianggap telah melaksanakan obligasi ini jika notis tersebut telah dihantar ke alamat Pemohon yang terakhir diketahui sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu. Bank akan memberikan kepada Pemohon nama dan butir-butir hubungan agensi pungutan hutang pihak ketiga yang dilantik atau pihak ketiga yang diarahkan oleh Bank agar memungut semua dan mana-mana jumlah yang kena dibayar oleh Pemohon kepada Bank.*

## 21. COMPLAINT / ADUAN

- 21.1 In the event of any complaint relating to these Terms and the Facility, the Applicant may contact the Bank's Customer Resolution Unit bearing the following address, e-mail address, telephone and facsimile numbers (or bearing such other address, e-mail address, telephone and facsimile numbers which the Bank may change by notification to the Applicant):-

### Customer Resolution Unit

Level 19, Menara Bumiputera Commerce,  
No 11, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel : +603 6204 7788  
Fax : +603 2691 3248  
E-mail : cru@cimb.com

*Seciranya ada sebarang aduan tentang Terma ini dan Kemudahan, Pemohon boleh menghubungi 'Customer Resolution Unit' Bank di alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan nombor faks berikut (atau di sebarang alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan nombor faks lain yang boleh diubah oleh Bank dengan memaklumkan Pemohon):-*

### Customer Resolution Unit

Level 19, Menara Bumiputera Commerce,  
No 11, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur  
Tel : +603 6204 7788  
Faks : +603 2691 3248  
E-mel : cru@cimb.com

## 22. GOVERNING LAW / UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- 22.1 These Terms shall be subject to, governed by and construed in accordance with laws of Malaysia and the prevailing laws or regulatory requirements or any other provisions or restrictions that may be imposed upon the Bank from time to time by Bank Negara Malaysia or such other authority having jurisdiction over the Bank.

*Terma ini adalah tertakluk kepada, dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan undang-undang atau keperluan kawal selia semasa atau sebarang peruntukan atau sekatan lain yang mungkin dikenakan ke atas Bank dari semasa ke semasa oleh Bank Negara Malaysia atau sebarang pihak berkuasa lain yang mempunyai bidang kuasa terhadap Bank.*

- 22.2 The parties hereto agree to submit to non exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

*Pihak-pihak dengan ini bersetuju berserah kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.*

- 22.3 The rights and remedies herein provided are cumulative and not exclusive of any rights or remedies provided by law.

*Hak dan remedi yang diperuntukkan di dalam ini adalah kumulatif dan termasuk sebarang hak atau remedi yang diperuntukkan oleh undang-undang.*

## 23. INTERPRETATION / PENTAFSIRAN

- 23.1 In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity or discrepancy between the English version or any other version of these Terms, the English version shall prevail. Notwithstanding the aforementioned, where request is made by the Applicant and noted and acknowledge by the Bank in its records that the Bahasa Malaysia version of these Terms shall govern the operations of the Facility then the Bahasa Malaysia version of these Terms shall prevail.

*Seciranya terdapat apa-apa perkara yang tidak konsisten, konflik, kesamaran atau percanggahan antara versi Terma ini dalam Bahasa Inggeris dan mana-mana versi lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi yang lain. Meskipun perkara yang disebut sebelum ini, jika permintaan dibuat oleh Pemohon dan dicatat dan diakui oleh Bank dalam rekodnya bahawa versi Terma ini dalam Bahasa Malaysia akan mengawal operasi Kemudahan, maka versi Terma ini dalam Bahasa Malaysia akan mengatasi yang lain.*

## 23B. SEVERABILITY / KEBOLEHASINGAN

If any of the provisions under these Terms shall become void, illegal or unenforceable in any respect under any law, the validity and enforcement of the remaining provisions shall not be affected or prejudiced in any manner whatsoever.

*Jika mana-mana peruntukan dalam terma-terma ini menjadi tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuat kuasa dari apa jua segi di bawah sebarang undang-undang keesahan dan penguatkuasaan peruntukan selainnya tidak akan terjejas atau dimudaratkan dalam apa cara pun jua.*



## 24. PRIVACY / PRIVASI

24.1 The Applicant hereby confirms that the Applicant has read, understood and agreed to be bound by the CIMB Group Privacy Notice (which is available at [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) or [www.cimbislamic.com](http://www.cimbislamic.com)) and the clauses herein, as may relate to the processing of the Applicant's personal information. For the avoidance of doubt, the Applicant agrees that the said Privacy Notice shall be deemed to be incorporated by reference into these Terms.

*Pemohon dengan ini mengesahkan bahawa dia telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi Kumpulan CIMB (yang boleh didapati di [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com](http://www.cimbislamic.com)) dan klausa-klausa di dalam ini, yang berkaitan dengan pemprosesan maklumat peribadi Pemohon. Bagi mengelakkan keraguan, Pemohon bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut hendaklah disifatkan sebagai terkandung di dalam Terma ini secara rujukan.*

24.2 In the event the Applicant provides personal and financial information relating to third parties, including information relating to the Applicant's next-of-kin and dependents or information relating to the guarantors and security providers for the purpose of opening or operating the Applicant's account(s)/facility(ies) with the Bank or otherwise subscribing to the Bank's products and services, the Applicant (a) confirms that the Applicant has obtained their consent or are otherwise entitled to provide this information to the Bank and for the Bank to use it in accordance with these Terms; (b) agrees to ensure that the personal and financial information of the said third parties is accurate; (c) agrees to update the Bank in writing in the event of any material change to the said personal and financial information; and (d) agrees to the Bank's right to terminate the Facility should such consent be withdrawn by any of the said third parties.

*Sekiranya Pemohon memberikan maklumat peribadi dan kewangan yang berkaitan dengan pihak ketiga, termasuk maklumat yang berkaitan dengan waris seterusnya dan tanggungan atau maklumat yang berhubung dengan penjamin dan pemberi jaminan untuk tujuan membuka atau mengendalikan akaun / kemudahan Pemohon dengan Bank atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan Bank, Pemohon (a) mengesahkan bahawa Pemohon telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat ini kepada Bank dan untuk Bank menggunakannya mengikut Terma ini; (b) bersetuju untuk memastikan bahawa maklumat peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat; (c) bersetuju untuk memberi kemas kini kepada Bank secara bertulis sekiranya ada apa-apa perubahan yang material kepada maklumat peribadi dan kewangan tersebut; dan (d) bersetuju akan hak Bank untuk menamatkan Kemudahan ini, sekiranya persetujuan dari mana-mana pihak ketiga tersebut ditarik balik.*

24.3 Where the Applicant instructs the Bank to effect any sort of cross-border transaction (including to make or receive payments), the details relevant to the cross-border transaction (including information relating to those involved in the said transaction) may be received from or sent abroad, where it could be accessible (whether directly or indirectly) by overseas regulators and authorities in connection with their legitimate duties (e.g. the prevention of crime). In instructing the Bank and/or the Bank's agents to enter into any cross-border transaction on the Applicant's behalf, the Applicant agrees to the above said disclosures on behalf of the Applicant and others involved in the said cross-border transaction.

*Di mana Pemohon mengarahkan Bank untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk membuat atau menerima pembayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi merentas sempadan tersebut (termasuk maklumat yang berkaitan dengan sesiapa yang terlibat di dalam urusniaga tersebut) boleh diterima dari atau dihantar ke luar negara, di mana ia mungkin boleh diakses (sama ada secara langsung atau tidak langsung) oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berkaitan dengan kewajipannya yang sah (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan Bank dan/atau ejen-ejen Bank untuk memasuki apa-apa transaksi rentas sempadan bagi pihak Pemohon, Pemohon bersetuju akan pendedahan tersebut di atas bagi pihak diri sendiri dan orang lain yang terlibat dalam urus niaga rentas sempadan tersebut.*

24.4 The Bank may at any time and from time to time now and/or in the future carry out the necessary reference checks including but not limited to credit reporting/reference checks with credit reporting/reference agencies, including but not limited to CCRIS, FIS and/or any other agencies and/or from any financial institution to enable the Bank to ascertain the Applicant's status as may be required to help make decisions, for example when the Bank needs to (a) check details on applications for credit and credit-related or other facilities;

(b) manage credit and credit-related accounts or facilities, including conducting reviews of the Applicant's portfolio(s); recover debts; and/or any purpose related to or in connection with the account/facility under these Terms. The Applicant will be linked by credit reporting/reference agencies to any other names the Applicant uses or has used, and any joint and several applicants. The Bank may also share information about the Applicant and how the Applicant manages his/her account(s)/facility(ies) with relevant credit reporting/reference agencies.

*Bank mungkin pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa sekarang dan/atau pada masa depan melakukan pemeriksaan rujukan yang diperlukan termasuk tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan laporan/rujukan kredit dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit, termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS dan/atau mana-mana agensi lain dan/atau daripada mana-mana institusi kewangan untuk membolehkan Bank untuk memastikan status Pemohon seperti yang mungkin diperlukan untuk membantu membuat keputusan, contohnya apabila Bank perlu (a) memeriksa butiran mengenai permohonan kredit, berkaitan dengan kredit atau permohonan kemudahan lain; (b) menguruskan akaun atau kemudahan kredit atau berkaitan dengan kredit, termasuk menjalankan semakan portfolio-portfolio Pemohon; dan/atau mendapatkan semula hutang; dan/atau apa-apa tujuan yang berkaitan atau berhubung dengan akaun/kemudahan di bawah Terma ini. Pemohon akan dihubungkan oleh agensi pelaporan/rujukan kredit kepada mana-mana nama lain yang Pemohon gunakan atau telah gunakan, dan mana-mana pemohon bersama dan berasingan. Bank juga boleh berkongsi maklumat tentang Pemohon dan bagaimana Pemohon menguruskan akaun/kemudahannya dengan agensi-agensi laporan/rujukan kredit yang berkenaan.*

24.5 Even after the Applicant has provided the Bank with any information, the Applicant will have the option to withdraw the consent given earlier. In such instances, the Bank will have the right to not provide or discontinue the provision of any product, service, account(s) and/or facility (ies) that is/are linked with such information.

*Selepas Pemohon memberi sebarang maklumat kepada Bank, Pemohon masih mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran yang diberikan sebelum ini. Dalam keadaan itu, Bank mempunyai hak untuk tidak memberi atau memberhentikan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, akaun dan/atau kemudahan yang berhubung dengan maklumat tersebut.*

24.6 The Bank reserves the right to amend this clause from time to time at the Bank's sole discretion and shall provide twenty one (21) calendar days prior notification to the Applicant in writing and place any such amendments on the Bank's websites and/or by placing notices at the banking halls or at prominent locations within the Bank's branches.

*Bank menyimpan hak untuk meminda klausa ini dari masa ke semasa mengikut budi bicara mutlak Bank dan akan memberi dua puluh satu (21) hari kalendar notis terdahulu secara bertulis kepada Pemohon dan meletakkan pindaan tersebut di dalam laman web dan/atau meletak notis-notis di dewan perbankan atau di tempat-tempat yang bersesuaian di dalam cawangan-cawangan Bank.*

24.7 For the purposes of this Clause, the CIMB Group consists of CIMB Group Holdings Berhad and all its related companies as defined in Section 7 of the Companies Act 2016 and jointly controlled companies that provide financial and other regulated services, excluding companies, branches, offices and other forms of presence operating outside Malaysia, and the use of the word "the Bank" is to be read as references to the CIMB Group.

*Untuk tujuan klausa ini, Kumpulan CIMB terdiri daripada CIMB Group Holdings Berhad dan semua syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Seksyen 7, Akta Syarikat 2016 dan syarikat-syarikat dikawal bersama yang menyediakan perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan lain yang dikawal selia, yang tidak termasuk syarikat, cawangan, pejabat dan bentuk kehadiran lain yang beroperasi di luar Malaysia, dan penggunaan perkataan "Bank" hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Kumpulan CIMB.*

24.8 The Applicant further agrees that the Bank shall not in any event be liable for any claim, loss, damage (financial and otherwise), injuries, embarrassments or liability howsoever arising whether in contract, tort, negligence, strict liability or any basis (including direct or indirect, special, incidental, consequential or punitive damages or loss of profits or savings) arising from any inaccuracy or loss, deletion or modification of data or for any other reasons whatsoever relating to any information forwarded by the Bank to such credit reporting/reference agencies and/or such other party, as the case may be, or in relation to any access or use, or the inability to access or use by such credit reporting/reference agencies and/or such other party or

reliance on the information contained therein, whether caused by any technical, hardware or software failure of any kind, the interruption, error, omission, delay, viruses or otherwise howsoever unless the same is caused directly by the Bank's gross negligence or wilful default.

*Pemohon seterusnya bersetuju bahawa Bank tidak akan dalam apa jua keadaan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kehilangan, kerugian (kewangan dan sebaliknya), kecederaan, rasa malu atau liabiliti yang timbul dalam apa jua keadaan sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian, liabiliti ketat atau apa-apa dasar (termasuk kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas, sampingan, akibat atau punitif atau kehilangan keuntungan atau simpanan) yang timbul daripada apa-apa ketidaktepatan atau kerugian, pemotongan atau modifikasi data atau untuk apa-apa sebab lain berkaitan dengan apa-apa maklumat yang dikemukakan oleh Bank kepada agensi-agensi laporan/rujukan kredit tersebut dan/atau mana-mana pihak lain, mengikut mana yang berkenaan, atau berhubung dengan apa-apa akses atau penggunaan, atau ketidakupayaan untuk akses atau mengguna oleh agensi-agensi laporan/rujukan kredit dan/atau mana-mana pihak lain tersebut atau pergantungan pada maklumat yang terkandung dalamnya, sama ada disebabkan oleh apa-apa kegagalan teknikal, perkakasan atau perisian dalam apa jua bentuk, gangguan, kesilapan, ketinggalan, penangguhan, virus atau sebagainya melainkan jika ia disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja Bank.*

24.9 This clause shall be without prejudice to any other clause in these Terms which provides for the disclosure of information.

*Klausa ini adalah tanpa prejudis kepada klausa-klausa lain di dalam Terma ini yang berkaitan dengan pendedahan maklumat.*

## **25. SUCCESSORS BOUND / PENGGANTI TERIKAT**

25.1 These Terms shall be binding upon and enure to the benefit of the Bank and the Applicant and their respective estate, heirs, personal representatives, assigns and/or successors-in-title and any other person for the time being deriving title under them. In the event of the Applicant's death, the Applicant's estate, heirs and personal representative are required to repay the outstanding obligations of the Applicant under the Facility from the assets of the estate of the deceased Applicant and no action will be taken against the heirs and personal representative of the deceased Applicant in their personal capacity.

*Terma ini hendaklah mengikat ke atas dan untuk faedah Bank dan Pemohon dan harta pusaka, waris, wakil peribadi, serahhak dan/atau pengganti hakmilik mereka dan sesiapa buat masa ini memperoleh hakmilik di bawah mereka. Jika Pemohon meninggal dunia, harta pusaka, waris dan wakil diri Pemohon adalah dikehendaki untuk membayar balik tanggungjawab yang belum diselesaikan di bawah Kemudahan daripada aset-aset harta pusaka Pemohon (si mati) dan tiada tindakan akan diambil terhadap waris dan wakil diri Pemohon (si mati) dalam kapasiti peribadi mereka.*